

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING]**

**SOALAN**

**DR. KELVIN YII LEE WUEN [ BANDAR KUCHING ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan dalam jadual kadar kematian di hospital seluruh Malaysia dari Oktober 2019-Julai 2020, kategorikan mengikut diagnosis, dan perbandingan kadar peningkatan sejak tahun 2015 untuk tempoh yang sama dan jika ada pertambahan, adakah ia disebabkan kes COVID-19 yang mungkin tidak dikesan sebelum ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Statistik kematian yang disediakan adalah berdasarkan rekod pesakit yang dimasukkan ke hospital Kementerian Kesihatan (KKM) dan kemudiannya meninggal di hospital KKM semasa dalam tempoh rawatan.
2. Diagnosis/klasifikasi penyakit adalah berdasarkan Bab/Chapter dalam *International Classification of Diseases and Related Health Problems 10th Revision, 2010 Edition (ICD-10)* oleh WHO. Penyebab kematian adalah berdasarkan *underlying cause of death* seperti mana garis panduan yang disarankan oleh pihak WHO dalam menentukan penyebab kematian.
3. Bagi pengiraan kadar kematian, data penduduk yang digunakan adalah data rasmi yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Berdasarkan data yang sedia ada, data penduduk tahun

**SOALAN NO : 197**

2016 hingga 2019 merujuk kepada Anggaran Penduduk Semasa, manakala data tahun 2020 merujuk kepada Unjuran Penduduk.

4. Jumlah kematian yang direkodkan di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di seluruh Malaysia bagi tempoh Oktober 2019 hingga Julai 2020 adalah sebanyak 36,687 kematian dengan kadar kematian bagi setiap 100,000 penduduk adalah sebanyak 108.6 kematian. Jumlah kematian yang tertinggi adalah bagi penyakit sistem peredaran darah, diikuti dengan penyakit sistem pernafasan dan penyakit berjangkit. Walau bagaimanapun, jumlah dan kadar kematian tersebut merupakan angka permulaan memandangkan pihak hospital masih lagi mengemaskini rekod kematian di hospital masing-masing terutamanya bagi data tahun 2020.
5. Jumlah dan kadar kematian yang dilaporkan dan pecahan mengikut diagnosis bagi tempoh yang sama untuk tahun 2015/2016 hingga 2018/2019 adalah seperti di Jadual 1 dan Jadual 2.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM  
[SUNGAI SIPUT]**

**SOALAN**

**TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [ SUNGAI SIPUT ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pihak Kementerian berhasrat untuk meminda Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 agar hukuman lebih berat dan denda untuk menyekat sindiket judi haram yang berleluasa di pasaran dan mengembalikan semula dana yang sepatutnya diberikan kepada tabung Kerajaan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Kesavan A/L Subramaniam [PH – PKR; Sungai Siput di atas soalan yang telah diberikan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

2. Untuk makluman ahli dewan, Kementerian Kewangan sedang dalam semakan untuk meminda dan memperketatkan hukuman dan denda di bawah akta-akta perjudian sedia ada iaitu Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953, Akta Pertaruhan Wang Terkumpul 1967, Akta Loteri 1952 dan Akta Pertaruhan 1953 bagi menyekat sindiket judi haram yang berleluasa di pasaran. Dengan memperkenalkan hukuman denda dan penalti yang lebih berat, Kerajaan percaya, aktiviti judi haram akan dibendung dan seterusnya meningkatkan hasil dari sektor perjudian yang telah dilesenkan oleh Kerajaan. Sekian, terima kasih.